

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN : 95

YB Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta PERDANA MENTERI menyatakan syarikat yang disenarai pendek untuk projek insinerator di Taman Beringin, Kepong dan bila kontrak ini akan diberikan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah memutuskan supaya Cadangan Projek Loji Rawatan Sisa Pepejal *Waste-to-Energy* (WtE) di Kuala Lumpur dilaksanakan secara tender terbuka antarabangsa. Proses tender tersebut telah pun dimulakan pada 29 September 2015 dan tarikh akhir pihak pembida membuat serahan tender kepada Kerajaan adalah pada 29 Februari 2016. Seramai 7 pembida telah mengemukakan serahan tender kepada Kerajaan pada tarikh tutup serahan.

Pada masa ini, Kerajaan sedang membuat penilaian terhadap dokumen-dokumen tender yang diserahkan pembida. Penilaian yang dibuat adalah bersifat holistik dengan melihat kepada aspek teknikal dan komersil. Penilaian adalah dilaksanakan oleh Kementerian dan Jabatan Kerajaan berkaitan secara bersepadu melalui Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta. Proses penilaian ini dijangka akan selesai dilaksanakan pada akhir Ogos 2016 dan seterusnya Jawatankuasa akan mengemukakan syor untuk pertimbangan Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.